

**Majlis Keselamatan PBB Digesa Main Peranan Teruskan Rundingan Damai  
Palestin-Israel  
Bernama  
25 Januari, 2012**

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai penjaga keamanan dan keselamatan antarabangsa, mesti memastikan keadaan adalah sesuai untuk semua pihak menyambung semula rundingan damai konflik Palestin-Israel.

Wakil Tetap Malaysia ke PBB di New York, Hussein Haniff berkata Malaysia percaya dalam usaha mencapai penyelesaian yang adil dan saksama, rundingan tidak harus dipertanggungjawabkan kepada Palestin sahaja.

"Semua pihak mesti sedar bahawa untuk mencapai keamanan di Palestin dan Timur Tengah, rundingan mesti dimulakan dengan semangat keikhlasan, muhibah dan amanah.

"Sudah pasti ini tidak mudah untuk dicapai, namun sebagai permulaan semua pihak harus menahan diri daripada melakukan provokasi kerana perbuatan itu membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan," katanya.

Beliau berkata demikian pada bahas terbuka Majlis Keselamatan PBB mengenai "Situasi di Timur Tengah, termasuk persoalan mengenai Palestin", di New York pada Selasa. Teks itu dihantar kepada Bernama, di sini Rabu.

Hussein berkata desakan Israel agar Palestin bersetuju dengan rundingan terus tanpa prasyarat tidak mencerminkan kesediaan Tel Aviv untuk berlaku adil dan lebih memberi ruang kepada bakal jirannya itu.

"Walaupun delegasi saya hari ini bercakap dengan nada pesimis, kami tetap komited ke arah mencari penyelesaian pembentukan dua negara berdasarkan sempadan pada 1967 dengan Jerusalem Timur sebagai ibu kota Palestin di mana kedua-dua pihak dapat hidup sebelah-menyebelah dalam suasana aman," katanya.

Hussein juga berkata konflik yang berterusan hanya mencetuskan lebih banyak masalah dan itu tidak membawa faedah kepada mana-mana pihak.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642052>